

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM
DALAM NEGERI SELANGOR, DARUL EHSAN MALAYSIA
[GUAMAN SIVIL NO.: BA-22NCC-50-03/2024]**

ANTARA

HSBC BANK MALAYSIA BERHAD
(NO. SYARIKAT: 198401015221(127776-V) ... PLAINTIF

DAN

- 1. MATTAN ENGINEERING SDN BHD**
(NO.: 201201034320 (1018808-U)]
- 2. TAN TIONG KIAT**
(NO. K/P: 760714-14-6039)
- 3. LEVIN TAN EU SHENG**
(NO.K/P: 800630-14-5817)
- 4. MATTAN RESOURCES SDN BHD**
(NO. SYARIKAT: 201601016724 (1187655-H)]

... DEFENDAN-DEFENDAN

ALASAN PENGHAKIMAN

(Aturan 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012)

PENDAHULUAN

- [1] Ini merupakan permohonan Plaintiff untuk memasukkan penghakiman terus terhadap Defendant-defendant. Mahkamah ini telah membenarkan permohonan penghakiman terus berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan di sini.

LATAR BELAKANG

- [2] Tuntutan Plaintiff terhadap Defendant-defendant adalah untuk mendapatkan jumlah terhutang seperti berikut:
- (a) RM4,050,159.60 setakat 29.2.2024 dan faedah 3.87% setahun atas dasar harian (iaitu kadar ILF yang ditetapkan) dan faedah ingkar 1.00% setahun melebihi kadar ILF yang telah ditetapkan yang dikira atas jumlah principal RM3,648,971.30 dari 1.3.2024 sehingga tarikh penyelesaian penuh;
 - (b) RM2,397,235.30 setakat pada 29.2.2024 dengan faedah pada kadar 3.50% setahun melebihi Kadar Pinjaman Asas Plaintiff yang dikira atas kadar bulanan dari 1.3.2024 hingga tarikh penyelesaian penuh; dan
 - (c) RM8,730.00 setakat 29.2.2024.
- [3] Jumlah tertunggak tersebut terbit daripada Kemudahan yang dimohon oleh Defendant Pertama daripada Plaintiff yang mana Defendant Kedua sehingga Defendant Ketiga merupakan penjamin kepada Defendant Pertama melalui Gerenti Terhad bertarikh 14.12.2020. Melalui Gerenti Terhad tersebut dipersetujui Defendant Kedua dan Ketiga diakui sebagai penjamin dan juga penghutang utama bagi Kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh Plaintiff kepada Defendant Pertama.
- [4] Manakala bagi Defendant Keempat, Gerenti Terhad yang diberikan oleh syarikat berhad bertarikh 14.12.2020 dilaksanakan oleh Defendant Keempat sebagai penjamin kepada Defendant Pertama dan juga penghutang utama bagi Kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada Plaintiff.
- [5] Keseluruhan tuntutan Plaintiff terhadap Defendant-defendant adalah berasaskan antara lain terma dan syarat dalam Surat

Tawaran bertarikh 30.8.2019, 13.11.2020 dan 17.11.2021 (dirujuk sebagai Surat Tawaran) yang dikeluarkan oleh Plaintiff dan dipersetujui oleh Defendant Pertama yang boleh dilihat dalam Ekshhibit HSBC-1 Afidavit Sokongan, iaitu –

- (a) Satu Kemudahan *Import Line berjumlah RM23,000,000.00 yang terdiri daripada Documentary Credits, Shipping Guarantees, Banker's Acceptance, Post Shipment Buyer Loan (PSBL)* (dikenali sebagai *Loans Against Import (LAI)* dan *Foreign Currency Post Shipment Buyer Loan* (dikenali sebagai *Foreign Currency Loans Against Import*); dan
 - (b) Satu Kemudahan Jaminan Bank berjumlah RM12,000,000.00 (dikenali sebagai Kemudahan Jaminan Bank).
- [6] Selanjutnya Kemudahan-kemudahan tersebut dijamin oleh yang berikut sebagaimana dapat dilihat dalam Ekshhibit HSBS-3 dan HSBS-4, iaitu –
- (a) Satu Sekuriti ke atas Deposit Berkenaan dengan Kewajipan-kewajipan Pendeposit (Syarikat) (Pihak Pertama) bertarikh 18.2.2020 yang dilaksanakan oleh Defendant Pertama yang memihak kepada Plaintiff (dirujuk sebagai Deposit-deposit Berjangka); dan
 - (b) Satu Penyerahan dan Gadaian bertarikh 18.2.2020 (Penyerahan dan Gadaian) yang dilaksanakan oleh Defendant Pertama yang memihak kepada Plaintiff berkenaan dengan jumlah-jumlah wang kepada kredit Defendant Pertama dalam akaun kutipan yang ditetapkan.
- [7] Berdasarkan kepada dokumentasi dan persetujuan yang dimasuki sebagaimana di atas, Plaintiff telah menyediakan dan mengeluarkan Kemudahan-kemudahan tersebut untuk kegunaan Defendant Pertama.

- [8] Walau bagaimanapun, Defendan Pertama telah mungkir dalam pembayaran balik Kemudahan-kemudahan tersebut kepada Plaintiff. Surat Peringatan dan tuntutan termasuk beberapa kelonggaran telah dikeluarkan dan diberikan oleh Plaintiff kepada Defendan Pertama seperti dalam Ekshhibit HSBS-5. Namun keingkaran Defendan Pertama masih berterusan sehingga menyebabkan tuntutan ini difailkan oleh Plaintiff terhadap kesemua defandan.
- [9] Berikut itu, Kemudahan-kemudahan tersebut telah dibatalkan dan/atau ditamatkan oleh Plaintiff melalui surat peguam caranya Tetuan Shook Lin & Bok bertarikh 15.9.2022. Seiring dengan surat tersebut Plaintiff turut menuntut pembayaran balik jumlah tertunggak oleh Defendan Pertama dengan peringatan Plaintiff akan meneruskan tindakan guaman terhadap Defendan Pertama dan semua pihak yang bertanggungan.
- [10] Berkaitan dengan Kemudahan Jaminan Bank, Plaintiff telah melepaskan Jaminan Bank menurut permintaan Defendan Pertama sebagaimana berikut:
- (a) Jaminan Bank berjumlah RM2,257,500.00 dikeluarkan kepada Benefisiari iaitu China Machinery & Equipment (HK) Co Ltd dirujuk sebagai (dirujuk sebagai CMEC) pada 30.9.2020 (dipinda pada 21.9.2021 dan 246.2022) atas permintaan yang dibuat oleh CMEC pada 5.1.2023.
 - (b) Jaminan Bank berjumlah RM20,000.00 memihak kepada Shell Malaysia Trading Sdn Bhd telah dikeluarkan pada 13.9.2021 namun kemudiannya telah dibatalkan.
- [11] Plaintiff juga telah menuntut supaya Defendan Pertama menyelesaikan keberhutangan di bawah Kemudahan tersebut, namun Defendan Pertama berterusan gagal menjelaskannya walaupun telah meminta kelonggaran daripada Plaintiff.

- [12] Melalui Afidavit Sokongan, Plaintiff telah mengemukakan Sijil Keberhutangan yang mengesahkan jumlah terhutang oleh Defendan-defendant setakat 29.2.2024 berserta faedah seperti yang dapat dilihat melalui Ekshhibit HSBC-9.
- [13] Defendan-defendant telah mempertikaikan tuntutan Plaintiff dan telah memfailkan Pernyataan Pembelaan bertarikh 2.5.2024. Terdahulu dari itu, Plaintiff telah memfailkan Notis Permohonan di bawah Aturan 14 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 dan Afidavit Sokongan. Sekali lagi, Defendan-defendant menentang permohonan ini dan menghujahkan terdapat isu-isu untuk dibicarakan oleh Mahkamah ini.

PRINSIP UNDANG-UNDANG

- [14] Prinsip undang-undang berkaitan penghakiman terus adalah mantap. Mahkamah Agung dalam kes *National Company for Foreign Trade v. Kayu Raya Sdn Bhd* [1984] 1 CLJ Rep 283 telah memberikan panduan yang mengikat, iaitu –

“We think it appropriate to remind ourselves once again that in every application under O. 14 the first considerations are (a) whether the case comes within the Order and (b) whether the plaintiff has satisfied the preliminary requirements for proceeding under O. 14. For the purposes of an application under O. 14 the preliminary requirements are:

- (i) *the defendant must have entered an appearance;*
- (ii) *the statement of claim must have been served on the defendant; and*
- (iii) *the affidavit in support of the application must comply with the requirements of r. 2 of the O. 14.”*

HUJAHAN DEFENDAN-DEFENDAN

- [15] Defendan-defendant menafikan keseluruhan tuntutan Plaintiff dan menegaskan bahawa wujud isu-isu yang harus dibicarakan yang didasari dengan fakta-fakta yang dijelaskan dalam Afidavit Jawapan Defendan.
- [16] Meskipun demikian, perenggan 9 Afidavit Jawapan Defendan-defendant menyatakan kesemua Kemudahan yang diberikan oleh Plaintiff melalui Surat Tawaran tersebut adalah tidak dinafikan. Mahkamah ini akan merujuk satu persatu hujahan Defendan-defendant di sini dalam menilai sama ada permohonan ini wajar dibenarkan.

ISU-ISU UNTUK DIPUTUSKAN

- [17] Berikut adalah isu-isu yang perlu diputuskan, iaitu –
- (i) Sama ada terdapat isu-isu untuk dibicarakan; dan
 - (ii) Sama ada Plaintiff gagal memplidkan fakta material berkaitan kegagalan defendant-defendant membayar jumlah tertunggak Kemudahan tersebut.

DAPATAN MAHKAMAH

Isu 1: Sama ada terdapat isu-isu untuk dibicarakan

- [18] Defendan-defendant menyakinkan Mahkamah ini bahawa isu-isu yang perlu dibicarakan dalam tuntutan Plaintiff adalah ekoran daripada ketinggalan oleh CMEC selaku benefisiari yang yang telah gagal membayar jumlah yang dijanjikan kepada Defendan Pertama.
- [19] Penegasan utama Defendan-defendant adalah Plaintiff sepatutnya menamakan CMEC sebagai pihak dalam tindakan ini dan bukannya Defendan-defendant. Hal ini kerana Defendan Pertama dikehendaki membiayai Bon Pelaksanaan dan Bon Waranti kepada CMEC sebagai syarat Perjanjian Konsortium bertarikh

13.32018 dan perjanjian tambahan bertarikh 18.4.2018 yang dimasuki oleh Defendan Pertama dengan CMEC.

- [20] Berikutan permintaan oleh CMEC melalui perjanjian tersebut, maka Defendan Pertama memohon Kemudahan-kemudahan tersebut daripada Plaintiff. Defendan Pertama turut mengakui telah melantik CMEC sebagai benefisiari kepada jaminan bank bagi projek konsortium tersebut.
- [21] Bagi mengukuhkan pembelaan, Defendan-defendant telah merujuk kepada perenggan 18 Afidavit Sokongan Plaintiff dan mengatakan Plaintiff tahu tentang fakta penglibatan CMEC dalam projek tersebut.
- [22] Saya telah meneliti perenggan 18 Afidavit Sokongan Plaintiff yang dijadikan asas oleh Defendan-defendant berkaitan dengan pengetahuan Plaintiff mengenai penglibatan CMEC. Hujahan Defendan-defendant adalah bahawa bukanlah defendant-defendant yang memungkiri Surat Tawaran dan tidak wajar dituntut. Mahkamah ini mendapati hujahan tersebut tidak berasas.
- [23] Pada keseluruhan masa yang material, Plaintiff bukanlah pihak dalam perjanjian antara Defendan Pertama dan CMEC. Defendan Pertama yang telah menamakan CMEC sebagai benefisiari bagi tujuan Jaminan Bank. Surat Tawaran dan Perjanjian termasuk Jaminan Bank yang dimasuki oleh Plaintiff dan Defendan Pertama adalah mengikat Plaintiff dan Defendan Pertama.
- [24] Mahkamah ini menerima penghujahan peguam cara Plaintiff bahawa berdasarkan prinsip *privity of contract*, Plaintiff tidak boleh memfailkan tuntutan terhadap benefisiari yang bukan pihak kepada perjanjian Kemudahan yang diberikan oleh Plaintiff kepada Defendan-defendant.
- [25] Peguam cara Plaintiff yang bijaksana menghujahkan bahawa inti pati penting dalam Perjanjian-perjanjian, Gerenti dan

Penyerahhakan serta Gadaian telah dipersetujui iaitu antara lain, Plaintiff berhak melaksanakan apa-apa hak atau remedи sedia ada di bawah Perjanjian dan dokumen sekuriti tersebut sama ada secara serentak atau berturut-turut. Pada hemat Mahkamah, tuntutan Plaintiff di sini adalah jelas dan tidak perlu untuk dibicarakan.

- [26] Mahkamah ini merujuk kes *Bank Negara Malaysia v. Mohd Ismail & Ors* [1992] 1 MLJ 400 yang boleh disimpulkan bahawa sama ada sesuatu itu adalah wajar dibicarakan atau tidak, ia mestilah bergantung kepada keadaan fakta atau undang-undang yang timbul dari setiap fakta dan keadaan kes yang dizahirkan di hadapan Mahkamah.
- [27] Meneliti Afidavit-afidavit dan pembelaan, Mahkamah mendapati tiada penafian langsung oleh Defendan-defendan terhadap terma-terma dalam Surat-surat Tawaran dan Perjanjian-perjanjian yang dimasuki oleh Defendan Kedua, Defendan Ketiga dan Defendan Keempat.
- [28] Dalam keadaan Defendan-defendan tidak menafikan kewujudan perjanjian dan dokumen sekuriti tersebut dan tidak menafikan mana-mana terma yang terkandung di dalamnya, maka kesemua terma dan syarat yang dipersetujui tersebut adalah mengikat pihak-pihak.
- [29] Berhubung dengan isu Jaminan Bank yang dikeluarkan oleh Plaintiff untuk manfaat Benefisiari, Mahkamah ini menerima hujahan Peguam cara Plaintiff yang bijaksana bahawa Jaminan Bank tersebut adalah berasingan daripada kontrak yang wujud antara Plaintiff dengan Defendan-defendan. Tuntasnya, keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Sumatec Engineering and Construction Sdn Bhd v. Malaysia Refining Co Sdn Bhd* [2012] 4 MLJ adalah mengikat Mahkamah ini, sebagaimana berikut –

“[19] The fundamental principle behind a bank guarantee is that it is separate and independent of the underlying contract between the disputing immediate parties and the contract between the account party and the bank..”

Isu 2 : Sama ada Plaintiff gagal memplidkan fakta material berkaitan kegagalan defendant-defendant membayar jumlah tertunggak Kemudahan tersebut.

- [30] Defendant-defendant telah merujuk kes *Buildcon Concrete Sdn Bhd v. Mammoth Empire Construction Sdn Bhd & Ors* [2021] 11 MLJ 666 untuk menyokong keperluan memperincikan dengan jelas butiran tuntutan sebelum perintah penghakiman terus boleh diperintahkan. Penelitian Mahkamah mendapati tuntutan plaintiff dalam kes Buildcon Concrete (*supra*), adalah melibatkan surat plaintiff yang merekodkan hutang bagi bulan Ogos 2018 yang akan ditolak dengan pengambilan pasir daripada Hasil Perangsang. Surat tersebut tidak memperincikan tentang bilakah *arrangement* tersebut bermula dan dihentikan. Oleh itu, semestinya isu tersebut perlu diputuskan melalui keterangan saksi-saki.
- [31] Namun demikian, tuntutan Plaintiff di sini adalah jelas untuk mendapatkan tunggakan wang bagi jumlah tertentu menerusi Kemudahan-kemudahan kewangan yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak untuk diberikan oleh Plaintiff kepada Defendant Pertama dan dijamin oleh Defendant Kedua sehingga Defendant Keempat. Justeru, kes **Buildcon Concrete Sdn Bhd** (*supra*) adalah tidak terpakai dan dibezakan.
- [32] Fakta-fakta material berkaitan dengan persetujuan pihak-pihak sehingga keingaran oleh Defendant-defendant untuk membayar Plaintiff telah diperincikan dalam Pernyataan Tuntutan. Justeru, isu *set-off* adalah tidak berkaitan dan bukanlah suatu isu yang perlu dibicarakan dalam kes ini.

- [33] Defendan turut mempertikaikan jumlah tertunggak akibat kegagalan Plaintiff mengambil kira Deposit-deposit berjangka yang digunakan untuk membayar jumlah tertunggak selain Plaintiff gagal memplidkan Sijil Keberhutangan dalam Pernyataan Tuntutan. Kegagalan ini pada pendapat Defendan-defendan tidak boleh diperbaiki melalui keterangan Afidavit.
- [34] Pergantungan Defendan-defendan kepada kes *Perwira Affin Bank v. Orison Sdn Bhd & Ors* [2004] 5 CLJ 256 pada hemat Mahkamah ini tidak membantu Defendan-defendan. Kes Perwira Affin Bank (*supra*) wajar dibezakan dengan kes di hadapan Mahkamah ini.
- [35] Defendan turut berhujah bahawa perjanjian penyelesaian bertarikh 2.6.2022 antara pihak-pihak adalah mengatasi Surat-surat Tawaran yang dikeluarkan oleh Plaintiff. Terma penyelesaian antara Plaintiff dan Defendan Pertama sepatutnya dirujuk oleh Plaintiff dan remedii Plaintiff terhadap Defendan-defendan adalah terhad. Defendan telah bergantung kepada kes *Pacific Sanctuary Holdings Sdn Bhd (formerly known as Prestige Sdn Bhd) v. Masaland Construction Sdn Bhd* [2020] 3 MLJ 692 (CA) dan *PJD Landmarks Sdn Bhd v. Soh Jien Min & Ors* [2022] 12 MLJ 609.
- [36] Mahkamah ini ingin membezakan pemakaian kes **Pacific Sanctuary Holdings Sdn Bhd** (*supra*) yang pada hemat Mahkamah terhad kepada kes tersebut sahaja. Dalam kes **Pacific Sanctuary Holdings Sdn Bhd** (*supra*), plaintif telah memperoleh penghakiman ingkar terhadap defendant. Semasa dalam proses penguatkuasaan penghakiman, pihak-pihak telah berunding dan suatu perjanjian penyelesaian telah dimasuki yang mana plaintif dalam kes itu bersetuju tidak akan menguatkuasakan penghakiman dan akan menarik balik petisyen penggulungan. Persetujuan tersebut adalah dengan syarat defendant membayar sejumlah wang yang dipersetujui dan kontra

dengan hartanah yang akan dibina atas tanah projek. Namun demikian, perjanjian persetujuan telah ditamatkan dengan defendant menerima notis penamatan dan notis di bawah seksyen 466 Akta Syarikat 2016 daripada plaintif selaras dengan penghakiman ingkar terdahulu.

- [37] Pada hemat Mahkamah ini, polemik dalam konteks tuntutan Plaintiff dalam kes di hadapan Mahkamah ini sama sekali berbeza dengan fakta kes **Pacific Sanctuary Holdings Sdn Bhd** (*supra*). Oleh itu, pendirian peguam cara Defendant-defendant yang bijaksana untuk mengikuti kes tersebut tidak dapat diterima oleh Mahkamah ini. Justeru tuntutan Plaintiff hendaklah terikat dengan kesemua kontrak (termasuk Surat Tawaran) yang dimasuki oleh Plaintiff dan Defendant-defendant dan bukannya tertumpu kepada tawaran penyelesaian antara Plaintiff dengan Defendant Pertama.
- [38] Selanjutnya Mahkamah ini mendapati hujahan-hujahan yang dikemukakan oleh Defendant-defendant bercanggah dengan dokumen-dokumen semasa yang diakui oleh pihak-pihak. Hal ini membawa kepada satu kesimpulan bahawa pembelaan yang dibangkitkan dalam penghujahan Defendant-defendant dicemari dengan fikiran terkemudian.

KESIMPULAN

- [39] Berdasarkan alasan-alasan di atas, Mahkamah ini mendapati jelas dan nyata Defendant-defendant tidak mempunyai pembelaan untuk dibicarakan. Plaintiff telah berjaya membuktikan tuntutan terhadap Defendant-defendant menurut Aturan 14 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012.
- [40] Permohonan Plaintiff telah dibenarkan dengan kos RM3,000.00 dibayar kepada Plaintiff tertakluk kepada alokator.

Bertarikh: 9 SEPTEMBER 2024

(HAZIZAH KASSIM)
Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi Sivil (NCvC10)
Shah Alam

Keputusan dibaca pada 4 Julai 2024

Kaunsel:

Bagi pihak plaintif - Ng Hooi Huang & Deborah Lui Shien Mae; T/n Shook Lin & Bok

Bagi pihak defendan - Lee Jing Min, Ngo Jun Yah & Loh Wen Fung; T/n Josephine, L K Chow & Co

Kes-kes yang dirujuk:

Bank Negara Malaysia v. Mohd Ismail & Ors [1992] 1 MLJ 400

Buildcon Concrete Sdn Bhd v. Mammoth Empire Construction Sdn Bhd & Ors [2021] 11 MLJ

National Company for Foreign Trade v. Kayu Raya Sdn Bhd [1984] 1 CLJ Rep 283

Pacific Sanctuary Holdings Sdn Bhd (formerly known as Prestige Sdn Bhd) v. Masaland Construction Sdn Bhd [2020] 3 MLJ 692 (CA)

Perwira Affin Bank v. Orison Sdn Bhd & Ors [2004] 5 CLJ 256

PJD Landmarks Sdn Bhd v. Soh Jien Min & Ors [2022] 12 MLJ 609

Sumatec Engineering and Construction Sdn Bhd v. Malaysia Refining Co Sdn Bhd [2012] 4 MLJ

Perundangan yang dirujuk:

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, A. 14

Akta Syarikat 2016, s. 466